

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

No	Faktor Risiko	TD Ekuiti	TD Sukuk	TD Urus	TD Ekuiti Dinasti	TD Dinamik	TD Aktif	TD Ekuiti Global	TD Asia	TD Ekuiti Income
Risiko Am Dana Takafulink										
1	Risiko Pasaran	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2	Risiko Kecairan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3	Risiko Kadar Faedah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4	Risiko Sekuriti	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5	Risiko Negara	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6	Risiko Ketidakpatuhan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7	Risiko Pengklasifikasian Semula Status Syariah	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
8	Risiko Tumpuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
9	Risiko Syarikat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
10	Risiko Inflasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
11	Risiko Pengurus Dana	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Risiko khusus yang berkaitan dengan instrumen patuh Syariah atau ekuiti patuh Syariah di mana Dana akan melabur:										
12	Risiko Kredit/Keingkaran	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
13	Risiko Mata Wang				✓			✓	✓	
14	Risiko Derivatif Islam				✓			✓	✓	
15	Risiko Pasaran Baru dan Membangun							✓	✓	
16	Risiko Pengklasifikasian Semula Status Dana Lestari									
17	Risiko Syarikat yang Lebih Kecil						✓			

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

No	Faktor Risiko	TD Ekuiti Plus	TD ESG Global	TD Simpanan
Risiko Am Dana Takafulink				
1	Risiko Pasaran	✓	✓	✓
2	Risiko Kecairan	✓	✓	
3	Risiko Kadar Faedah	✓	✓	
4	Risiko Sekuriti	✓	✓	
5	Risiko Negara	✓	✓	
6	Risiko Ketidakpatuhan	✓	✓	✓
7	Risiko Pengklasifikasi Semula Status Syariah	✓		
8	Risiko Tumpuan	✓	✓	
9	Risiko Syarikat Pengurusan	✓	✓	
10	Risiko Inflasi	✓	✓	✓
11	Risiko Pengurus Dana	✓	✓	✓
Risiko khusus yang berkaitan dengan instrumen patuh Syariah atau ekuiti patuh Syariah di mana Dana akan melabur:				
12	Risiko Kredit/Keingkaran	✓	✓	✓
13	Risiko Mata Wang	✓	✓	
14	Risiko Derivatif Islam		✓	
15	Risiko Pasaran Baru dan Membangun			
16	Risiko Pengklasifikasi Semula Status Dana Lestari		✓	
17	Risiko Syarikat yang Lebih Kecil			

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

1) Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang berkemungkinan timbul akibat perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara amnya dipengaruhi oleh antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana melabur mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini mungkin memberi kesan buruk kepada harga pasaran pelaburan Dana.

2) Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan menukar pelaburan kepada tunai tanpa menanggung kerugian nilai yang terlalu ketara. Ini bergantung kepada penawaran dan permintaan serta jumlah sekuriti tersebut yang didagangkan di pasaran. Ini boleh menyebabkan Dana melupuskan pelaburan pada harga yang tidak menguntungkan dalam pasaran dan boleh menjelaskan nilai Dana.

3) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah merujuk kepada kesan perubahan kadar faedah terhadap penilaian instrumen pasaran wang Islam. Apabila kadar faedah meningkat, harga instrumen pasaran wang Islam secara amnya menurun dan ini mungkin menurunkan nilai pasaran pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang Islam.

(Khusus untuk Takafulink Dana Sukuk, Takafulink Dana Urus dan Takafulink Dana Dinamik)
Apabila kadar faedah meningkat, harga Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam secara amnya menurun dan ini mungkin menurunkan nilai pasaran pelaburan Dana dalam Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam. Risiko ini akan dikurangkan dengan menguruskan tempoh Dana dan mempelbagaikan tenor pelaburan Sukuk berdasarkan pandangan Pengurus Dana terhadap kadar faedah masa hadapan.

4) Risiko Sekuriti

Risiko sekuriti merujuk kepada risiko bahawa harga sesuatu sekuriti patuh Syariah mungkin berubah-ubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang mempengaruhi syarikat-syarikat individu. Risiko ini termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan cita rasa dan permintaan pengguna, tuntutan undang-undang, persekitaran operasi yang kompetitif, perubahan keadaan industri dan kelalaian serta kesilapan pengurusan.

5) Risiko Negara

Risiko negara merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam peraturan, politik dan ekonomi negara. Pelaburan boleh terjejas oleh ketidakpastian dalam negara pelaburan seperti perkembangan politik domestik, sekatan ke atas pelaburan asing dan pemulangan mata wang, perubahan dalam dasar kerajaan, perubahan dalam percukaian dan perkembangan lain dalam undang-undang dan peraturan.

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

6) Risiko Ketidakpatuhan

Ketidakpatuhan terhadap undang-undang, peraturan, resolusi Syariah, amalan yang ditetapkan, dasar-dasar dalaman dan prosedur boleh mengakibatkan kecaman pihak berkuasa, reputasi tercemar dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas akibat ketidakpatuhan kepada mandat pelaburan.

7) Risiko Pengklasifikasian Semula Status Syariah

Risiko pengklasifikasian semula status Syariah merujuk kepada risiko bahawa sekuriti ekuiti patuh Syariah yang kini dipegang dalam Dana mungkin diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam semakan berkala sekuriti oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ini berlaku, langkah-langkah yang diperlukan akan diambil untuk melupuskan sekuriti tersebut.

Kerugian peluang boleh berlaku disebabkan oleh sekatkan ke atas Dana untuk mengekalkan lebihan keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah yang diklasifikasikan semula. Dalam keadaan sedemikian, Dana perlu:

- i. melupuskan sekuriti tersebut dengan kadar segara atau dalam tempoh satu (1) bulan kalender jika harga pasaran sekuriti tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengklasifikasian semula senarai sekuriti patuh Syariah ("Pengklasifikasian Semula") oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh semakan ("Semakan") oleh Penasihat Syariah. Dana dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima sehingga tarikh kuat kuasa Pengklasifikasian Semula atau Semakan dan keuntungan modal hasil daripada pelupusan sekuriti pada tarikh kuat kuasa Pengklasifikasian Semula atau Semakan. Walau bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal yang diterima hasil daripada pelupusan sekuriti selepas tarikh kuat kuasa Pengklasifikasian Semula atau Semakan hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan-badan kebaikan seperti yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah;
 - ii. memegang sekuriti tersebut jika nilainya adalah di bawah kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa Pengklasifikasian Semula atau Semakan sehingga jumlah dividen berikutnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti adalah sama dengan kos pelaburan pada masa pelupusan perlu berlaku dalam tempoh satu (1) bulan kalender, lebihan keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan-badan kebaikan seperti yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah; atau
 - iii. melupuskan sekuriti tersebut pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan yang akan mengakibatkan penurunan dalam nilai Dana.
- 8) Risiko Tumpuan
- Risiko tumpuan merujuk kepada risiko apabila Dana melaburkan sebahagian besar asetnya dalam sektor atau kawasan geografi tertentu yang mungkin menyebabkan Dana lebih mudah terdedah kepada keadaan ekonomi buruk yang menjelaskan industri atau rantau tersebut.

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

9) Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Kekurangan mana-mana daripada kualiti-kualiti di atas oleh syarikat pengurusan boleh menjelaskan prestasi Dana.

10) Risiko Inflasi

Risiko inflasi merujuk kepada risiko apabila pelaburan peserta dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, menyebabkan pengurangan kuasa pembelian peserta walaupun pelaburan dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

11) Risiko Pengurus Dana

Risiko pengurus Dana merujuk kepada pengurusan harian Dana oleh Pengurus Dana yang akan memberi kesan kepada prestasi Dana. Sebagai contoh, keputusan pelaburan yang diambil oleh Pengurus Dana, akibat daripada pandangan yang salah terhadap pasaran atau sebarang ketidakpatuhan terhadap dasar-dasar dalaman, mandat pelaburan, undang-undang atau garis panduan yang berkaitan disebabkan oleh faktor seperti kesilapan manusia atau kelemahan dalam proses operasi dan sistem, boleh menjelaskan prestasi Dana.

(Khusus untuk Takafulink Dana Urus, Takafulink Dana Ekuiti Dinasti, Takafulink Dana Dinamik, Takafulink Dana Aktif, Takafulink Dana Ekuiti Global, Takafulink Dana Asia, Takafulink Dana Ekuiti Income, Takafulink Dana Ekuiti Plus dan Takafulink Dana ESG Global) Walaupun Pengurus Dana menggunakan kemahiran dan berhati-hati dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan Dana Sasaran dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan tercapai. Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak konsisten dengan objektif Dana. Dalam keadaan sedemikian, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan sebuah skim pelaburan kolektif Islam yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana dalam memenuhi objektif Dana.

12) Risiko Kredit/Keingkaran

Risiko kredit merujuk kepada ketidakupayaan penerbit instrumen pasaran wang Islam atau/dan suuk yang dipegang oleh Dana untuk membuat pembayaran tepat pada masanya bagi keuntungan dan/atau prinsipal apabila matang. Sebarang situasi buruk yang dihadapi oleh penerbit atau rakan niaga boleh memberi kesan kepada nilai serta kecairan pelaburan. Risiko ini dikurangkan dengan melakukan penyelidikan dan analisis kredit asas yang berterusan untuk memastikan kedudukan kredit penerbit.

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

13) Risiko Mata Wang

(Khusus untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti, Takafulink Dana Ekuiti Global, Takafulink Dana ESG Global, Takafulink Dana Asia dan Takafulink Dana Ekuiti Plus)

Dana Sasaran akan melabur dalam pasaran asing. Oleh itu, pelaburan akan didenominasikan dalam mata wang asing. Oleh kerana Dana didenominasikan dalam Ringgit Malaysia, pelaburan dalam mata wang asing akan menyebabkan Dana terdedah kepada risiko mata wang. Kesan daripada pergerakan kadar pertukaran antara mata wang asas Dana dan mata wang pelaburan asas Dana Sasaran boleh mengakibatkan penyusutan nilai pelaburan seperti yang dinyatakan dalam mata wang asas Dana.

14) Risiko Derivatif Islam

(Khusus untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti, Takafulink Dana Ekuiti Global, Takafulink Dana ESG Global dan Takafulink Dana Asia)

Pengurus Dana Sasaran boleh melabur dalam derivatif Islam untuk tujuan lindung nilai dan pengurusan portfolio yang cekap. Nilai pasaran derivatif Islam mungkin tertakluk kepada fluktusi yang besar dan mendedahkan Dana Sasaran kepada potensi keuntungan atau kerugian disebabkan oleh nilai pasaran semasa. Produk berstruktur Islam mungkin mengandungi satu atau lebih derivatif Islam terkandung, termasuk opsyen Islam.

15) Risiko Pasaran Baru dan Membangun

(Khusus untuk Takafulink Dana Ekuiti Global dan Takafulink Dana Asia)

Berbanding dengan pelaburan dalam pasaran maju, pelaburan dalam pasaran baru dan membangun mungkin melibatkan tahap risiko yang lebih tinggi disebabkan oleh kemungkinan ketidakstabilan politik atau ekonomi dan ketegangan masyarakat yang lebih besar. Pasaran baru dan membangun adalah pasaran yang mengikut takrifannya, "dalam keadaan peralihan" dan oleh itu terdedah kepada perubahan politik yang pesat dan kemerosotan ekonomi. Sekuriti patuh Syariah dalam pasaran baru dan membangun mungkin menghadapi risiko kejatuhan harga yang lebih tinggi manakala kadar pertukaran dalam pasaran baru dan membangun ini secara amnya lebih tidak menentu berbanding pasaran yang telah berkembang.

16) Risiko Pengklasifikasi Semula Status Dana Lestari

(Khusus untuk Takafulink Dana ESG Global)

Risiko pengklasifikasi semula status dana lestari merujuk kepada risiko yang berpuncu daripada peningkatan tumpuan pengawalseliaan terhadap pelaburan lestari atau faktor lain yang menyebabkan pengurus aset menjadi lebih konservatif apabila mereka membentangkan kelayakan ESG mereka dan telah mengakibatkan pengklasifikasi semula dana lestari kepada dana tidak lestari. Jika ini berlaku, Pengurus Dana Sasaran boleh mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut.

LAMPIRAN 1

Faktor Risiko Dana-Dana Takafulink

- 17) **Risiko Syarikat yang Lebih Kecil**
(Khusus untuk Takafulink Dana Aktif)

Dana Sasaran yang melabur dalam syarikat yang lebih kecil mungkin lebih banyak fluktuasi dalam nilai berbanding pelaburan dalam syarikat yang lebih besar. Syarikat yang lebih kecil mungkin menawarkan peluang yang lebih besar untuk peningkatan modal daripada syarikat yang lebih besar tetapi mungkin juga melibatkan risiko khas tertentu. Syarikat yang lebih kecil lebih berkemungkinan daripada syarikat yang lebih besar, untuk mempunyai rangkaian produk, pasaran atau sumber kewangan yang terhad, atau bergantung pada kumpulan pengurusan yang kecil dan tidak berpengalaman. Sekuriti syarikat yang lebih kecil, terutamanya semasa tempoh penurunan pasaran, mungkin menjadi kurang cair dan mengalami turun naik harga jangka pendek dan *spread* yang luas antara harga urus niaga. Selain itu, mungkin terdapat kurang maklumat yang tersedia secara umum mengenai syarikat yang lebih kecil atau kurang minat pasaran terhadap sekuritinya dan mungkin mengambil masa yang lebih lama bagi harga sekuriti untuk mencerminkan nilai penuh potensi pendapatan atau aset penerbitnya.

***Nota:** Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan peserta sebelum melabur dalam Dana. Peserta perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Peserta harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami risiko-risiko dengan lebih baik.*

LAMPIRAN 1

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara apabila perlu; dan
- Menyelaras dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mac 2024.*